

# Rumah warisan Melayu patut dipulihara

**?** Banyak rumah kampung tradisi yang cantik dan unik di sekitar Negeri Sembilan dan Melaka tidak dipelihara dengan baik, malah terbiar begitu saja. Tiadakah usaha dilakukan untuk memelihara warisan itu.

**Siti Fatima Mohamad**  
Kuala Pilah, Negeri Sembilan

**!** Pemilik atau waris rumah Melayu tradisional terutama yang mempunyai sejarah tidak harus membiarkan rumah lama mereka begitu saja. Rumah berkenaan perlu dijaga rapi dan dipulihara kerana ia adalah sebahagian dari-

pada warisan seni bina negara yang bernilai.

Walaupun pemilik sudah meninggal dunia, usaha perlu dilakukan oleh waris bagi memelihara rumah warisan mereka supaya terus menjadi kenangan untuk generasi akan datang.

Jika tiada langkah diambil, dikhawatirinya seni bina pertukangan warisan Melayu lama itu akan hilang. Justeru, kita harus mengorak langkah dan mengambil inisiatif memulakan usaha memulihara rumah lama ini yang semakin pupus.

**Dr Muhammad Pauzi Abd Latif**  
Pengarah Muzium Warisan Melayu  
Universiti Putra Malaysia



*Jika tiada langkah diambil, dikhawatirinya seni bina warisan Melayu akan hilang”*



Rumah tradisional **harus dipulihara** elak warisan pupus. [GAMBAR HIASAN]